

19 AUG 1999

MAHATHIR-CHINA

SOKONGAN CHINA TERHADAP TABUNG KEWANGAN ASIA PERLU, KATA PM

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menekankan bahawa sokongan China adalah perlu dalam mewujudkan Tabung Kewangan Asia yang dicadangkan oleh Jepun.

"Tokyo baru-baru ini telah menimbulkan semula ide ini yang ditolak oleh Amerika Syarikat dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Malaysia percaya Tabung Kewangan Asia adalah konsep yang harus disokong dan adalah baik mendapatkan sokongan China," kata perdana menteri dalam ucapan utama beliau mengenai "Hubungan Malaysia-China: Cabaran dan Peluang Abad ke31 pada forum Malaysia-China ketiga di sini.

Dr Mahathir berkata Beijing dan Kuala Lumpur boleh membincangkan bagaimana Jepun boleh mewujudkan tabung itu bersama-sama dengan negara-negara serantau lain.

Pengajaran utama krisis kewangan serantau dan global yang berlaku sejak Julai 1997 adalah sistem kewangan global sekarang tidak dapat melindungi ekonomi-ekonomi kecil daripada serangan dana lindung nilai dan para pedagang matawang, katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun China tidak mengalami penyusutan yuan ketika krisis itu, pengalaman jiran-jiran China telah menunjukkan bagaimana kekayaan negara yang diusahakan selama beberapa dekad boleh dihancurkan oleh serangan terhadap matawang-matawang tempatan mereka, terutamanya oleh pedagang matawang Barat yang jahat.

Hong Kong, yang bangga dengan ekonomi pasaran bebasnya, turut menyaksikan serangan-serangan yang memusnahkan terhadap matawang dan pasaran sahamnya, katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata perubahan harus dibuat bagi memastikan sistem kewangan antarabangsa berfaedah kepada semua.

Dalam memuji pendirian China semasa krisis kewangan itu, beliau berkata: "Sokongan China kepada ekonomi-ekonomi serantau yang dilanda krisis, iaitu dengan tidak mengubah nilai yuan, menunjukkan keperihatinan rakyat China terhadap jiran-jiran China.

"Anda tidak berbuat begitu tahun lepas. Kami percaya anda tidak akan berbuat begitu tahun ini dan harga yang terpaksa China bayar untuk membantu Asia Timur adalah tinggi dan kami di Malaysia amat menghargai pendirian yang diambil." -- BERNAMA

AM JR